



# Hello Kampus

## SABAH & SARAWAK

Warga kerja Unimas disaran memiliki akaun media sosial Facebook, Twitter

# Dekati pelajar menerusi media sosial

Oleh ZAAIN ZIN  
utusansarawak@utusan.com.my

### KOTA SAMARAHAN 24

Sept. - Semua warga kerja Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) terutama ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) disaran memiliki sekurang-kurangnya satu akaun Facebook dan Twitter sendiri untuk berurusan dengan pelajar.

Naib Canselor Unimas, Profesor Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, rata-rata para pelajar hari ini aktif dalam pelbagai jenis media sosial yang diakui merupakan alat komunikasi paling mudah dan pantas.

Sehubungan itu katanya, media sosial merupakan landasan terbaik untuk pihak universiti mendekati dan memahami permasalahan pelajar serta memenuhi keperluan kumpulan sasaran tersebut.

"Majoriti pelajar Unimas yang kini mencapai 16,657 orang adalah generasi Y yang terdedah kepada teknologi maklumat dan komuni-

kasi (ICT). Generasi ini jugalah merupakan pelanggan teras kepada universiti.

"Oleh sebab itu, saya menggalakkan semua ketua PTJ supaya mempunyai akaun Facebook dan Twitter bagi memastikan wujud hubungan terus antara kita dengan para pelanggan ini, sekali gus membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat dalam Majlis Anugerah Gemilang Unimas (MAGU) 2013 yang berlangsung di Detar Putra Unimas, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani; Setiausaha Persekutuan Sarawak, Datuk Yahaya Basimin serta Pengurus Lembaga Penggarah Unimas, Datuk Dr. Hatta Solhi.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 179 kakitangan Unimas yang berkhidmat dengan cemerlang da-

lam pelbagai aspek seperti pengajaran, penyelidikan, inovasi serta pentadbiran dirai dan diberikan pengiktirafan sewajarnya menerusi 17 kategori anugerah.

Sementara itu, Anugerah Inovasi Naib Canselor (AINC) iaitu pengiktirafan tertinggi pihak universiti kepada warga kerja telah dianugerahkan kepada Latifah Loh Abdullah, Flora Bungan Balang, Harun Maksom dan Prof. Madya Dr. Mohd Ibrahim Safawi.

Majlis itu juga turut meraikan tiga kakitangan yang bakal bersara serta 80 penerima Anugerah Perkhidmatan Setia yang telah berkhidmat dengan Unimas secara berterusan selama 15 tahun.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad Kadim memberitahu, pihak universiti bercadang untuk memperkenalkan Anugerah Akademik Universiti serta Anugerah Webometrics Unimas pada MAGU edisi seterusnya tahun depan.



DARI kanan: Dr. Mohamad Kadim Suaidi, Dr. Hatta Solhi, Yahaya Basimin dan Mohamad Morshidi Abdul Ghani bersama para penerima Anugerah Inovasi Naib Canselor pada Majlis Anugerah Gemilang Unimas 2013 di Kota Samarahan, Kuching, Sarawak, baru-baru ini.